

Maklumat Imigresen & Visa untuk Mangsa Keganasan Seksual & Interpersonal

Pelajar dan siswa antarabangsa yang mempunyai soalan mengenai status imigresen dan visa mereka dinasihatkan untuk mendapatkan bantuan daripada peguam imigresen. Dokumen ini ialah satu sumber untuk menerangkan aspek undang-undang tertentu tetapi ia tidak menggantikan nasihat guaman.

Saya ialah seorang mangsa serangan, adakah status imigresen saya menjaskankan keupayaan saya untuk mengakses sumber-sumber dalam kampus?

Tidak. Di bawah undang-undang, pelajar dan kakitangan yang menjadi mangsa atau yang terselamat daripada keganasan seksual dan interpersonal mempunyai hak-hak yang sama di bawah Tajuk IX Pindaan Pendidikan 1972 (Tajuk IX) dan Akta Keganasan Terhadap Wanita (VAWA), tanpa mengira status imigresen dan visa mereka.

Maklumat mengenai sumber-sumber perubatan dan kaunseling dalam kampus, serta penginapan yang tersedia, boleh didapati di:

<https://www.tntech.edu/healthservices/>

Maklumat tentang proses pengendalian pelajar boleh didapati di:

<https://www.tntech.edu/policies/>

Pihak Kolej tidak akan mengambil tindakan terhadap anda atau memberi layanan berbeza kepada anda kerana melaporkan sesuatu kejadian jenayah.

Bolehkah saya membuat pertuduhan jenayah sebagai seorang imigran berdokumen atau tanpa dokumen?

Ya. Maklumat tentang definisi jenayah serangan seksual, keganasan rumah tangga, keganasan temu janji dan hendapan yang anda berikan boleh didapati dalam Laporan Keselamatan Tahunan:

<https://www.tntech.edu/police/annual-security-report>

Soalan-soalan khusus tentang pemfailan pertuduhan boleh ditujukan kepada:

Zeva Edmondson, Title IX Office

Adakah terdapat status visa dan imigresen khas untuk mangsa-mangsa jenayah?

Ya. Bagi mangsa-mangsa serangan seksual, keganasan rumah tangga, keganasan janji temu dan menghendap, terdapat lain-lain opsyen visa termasuk Visa U dan T. Untuk maklumat khusus, berbincanglah dengan peguam imigresen.

Visa U	Visa T
Bagi mangsa-mangsa penderaan fizikal atau mental yang teruk akibat aktiviti jenayah yang tertentu, termasuk penderaan seksual, keganasan rumah tangga, rogol, serangan atau lain-lain jenayah yang berkaitan -Mangsa/pemohon hendaklah seorang mangsa satu aktiviti jenayah yang layak dan berkemungkinan dapat membantu dalam penyiasatan dan/atau pendakwaan aktiviti jenayah tersebut -Secara umumnya sah untuk empat tahun -Untuk maklumat lanjut, hubungi peguam imigresen dan lihat: http://www.uscis.gov/humanitarian/victims-human-trafficking-other-crimes/victims-criminal-activity-u-nonimmigrant-status/victims-criminal-activity-u-nonimmigrant-status	Bagi mangsa-mangsa penyeludupan manusia -Hendaklah mematuhi permintaan yang munasabah daripada pihak berkuasa untuk mendapatkan kerjasama dalam penyiasatan atau pendakwaan ke atas kegiatan penyeludupan (kecuali tidak dapat bekerjasama kerana trauma fizikal atau psikologi), dan hendaklah boleh menunjukkan bahawa mangsa/pemohon akan mengalami kesukaran yang teruk jika dikeluarkan daripada Amerika Syarikat -Secara umumnya sah untuk empat tahun -Untuk maklumat lanjut, hubungi peguam imigresen dan lihat: http://www.uscis.gov/humanitarian/victims-human-trafficking-other-crimes/victims-human-trafficking-t-nonimmigrant-status

<http://www.uscis.gov/humanitarian/victims-human-trafficking-other-crimes/victims-criminal-activity-u-nonimmigrant-status/victims-criminal-activity-u-nonimmigrant-status>

<http://www.uscis.gov/humanitarian/victims-human-trafficking-t-nonimmigrant-status>

Adakah terdapat pejabat dalam kampus yang boleh memberikan saya maklumat tambahan?

,
,,

Pejabat Pelajar Antarabangsa dan Khidmat Siswa boleh menyediakan maklumat berguna mengenai status imigresen. Bagi soalan-soalan mengenai perubahan kepada lain-lain status visa atau opsyen undang-undang yang berada di luar visa pelajar piawaian F-1 dan J-1 atau visa bekerja tajaan majikan, hubungi peguam imigresen yang bertauliah.

Opsyen-Opsyen Visa



<p>Pelajar-pelajar berstatus F-1 dan J-1</p> <ul style="list-style-type: none"> • Opsyen untuk bebanan kursus dikurangkan, atas sebab keadaan perubatan yang disahkan oleh doktor perubatan berlesen, doktor ostepati atau pakar psikologi klinikal berlesen • Opsyen bagi dan akibat penarikan diri daripada program akademik anda • Maklumat tentang kembali ke program akademik pada tarikh kemudian, jika pelajar memilih untuk menarik dari • Opsyen dan akibat pasangan seiringan • Maklumat umum tentang opsyen untuk menukar status visa • Maklumat umum tentang visa U dan T (Rujukan kepada peguam imigresen bertaualiah) • Rujukan kepada peguam bertaualiah 	<p>Pekerja-pekerja H-1B, O-1, E-3 atau TN</p> <ul style="list-style-type: none"> • Opsyen untuk cuti kerja dan akibat kepada status imigresen anda • Opsyen dan akibat pasangan seiringan • Maklumat umum tentang opsyen untuk menukar status visa. Rujukan kepada peguam imigresen bertaualiah • Maklumat umum tentang visa U dan T (Rujukan kepada peguam imigresen bertaualiah) • Rujukan kepada peguam imigresen bertaualiah • Penduduk tetap A.S yang masih menunggu (kad hijau masih belum diluluskan) • Kesan meninggalkan pekerjaan anda ke atas permohonan taraf penduduk tetap tajaan majikan anda yang masih tertangguh; • Rujukan kepada peguam bertaualiah
--	---

Siapakah peguam imigresen dan apakah yang mereka buat?

Peguam imigresen ialah peguam-pegawai berlesen yang pakar dalam bidang undang-undang imigresen. Mereka berfungsi sebagai peguam pelanggan dan boleh mewakili mereka untuk berdepan dengan agensi-agensi imigresen, dalam mahkamah imigresen serta dalam memfailkan permohonan untuk mendapatkan manfaat imigresen. Peguam tersebut boleh memberi nasihat umum dan boleh membincangkan opsyen-opsyen imigresen. Seperti semua peguam, peguam imigresen adalah terikat dengan etika profesional dan keperluan undang-undang dan perlu merahsiakan segala perbincangan dengan pelanggan.

Di manakah boleh saya mendapatkan seorang peguam imigresen tempatan?

Perkhidmatan Kewarganegaraan A.S dan Imigresen (USCIS), sebuah biro Jabatan Keselamatan Dalam Negeri (DHS), menawarkan dua laman untuk membantu individu-individu mencari wakil perundangan yang percuma atau dengan kos rendah:

[USCIS: Dapatkan Bantuan dalam Laman Web Komuniti anda](#)

[USCIS: Cari Laman Web Perkhidmatan Undang-Undang](#)

[Lembaga Rayuan Imigresen \(BIA\) menyediakan senarai peguam mengikut negeri yang menyediakan perkhidmatan imigresen sama ada secara percuma atau dengan kos yang rendah](#)

[Persatuan Peguam Imigresen Amerika \(AILA\) menawarkan Perkhidmatan Rujukan Peguam Imigresen dalam talian yang boleh membantu pelajar atau siswa mendapatkan seorang peguam imigresen](#)

[Persatuan Bar Amerika juga menyediakan maklumat untuk mendapatkan khidmat undang-undang mengikut negeri](#)